



MAJLIS DAERAH GERIK PERAK DARUL RIDZUAN

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut:-

NO. TAWARAN	TAJUK PROJEK	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN [RM]
MDG/KEJ/ 01 / 2019	MEMBINA SEMULA PASAR BORONG, M.D GERIK, PERAK	GRED : G3 KATEGORI : B PENGKHUSUSAN : B04	200.00*

1. Dokumen tender boleh diperolehi di **JABATAN KEJURUTERAAN MAJLIS DAERAH GERIK** mulai **03/09/2019 hingga 24/09/2019** di waktu pejabat seperti berikut:-
ISNIN – JUMAAT: 8.15 pagi hingga 4.30 PETANG (TIDAK TERMASUK HARI CUTI AM)
2. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada **Kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja**. Wakil-wakil kontraktor hendaklah mengemukakan surat perwakilan kuasa semasa membeli Dokumen Tender dan membawa sijil asal **PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN dan SIJIL TARAF BUMIPUTERA** dan satu salinan setiap sijil tersebut untuk simpanan Jabatan ini sebelum urusan jual beli dokumen dijalankan.
3. Penender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran secara tunai atau mengeluarkan Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Draf sebagaimana yang ditetapkan di atas nama **YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH GERIK** sebagai bayaran dokumen tender dan tidak akan dikembalikan. Adalah diingatkan Cek Syarikat tidak akan diterima.* **PERCUMA BAGI KONTRAKTOR YANG TELAH MEMBELI BORANG TENDER SEMASA IKLAN TENDER BERTARIKH 15 APRIL 2019 YANG LEPAS.**
4. Satu **LAWATAN TAPAK** akan diadakan pada **29/08/2019 jam 3.00 petang** bersamaan hari **KHAMIS** dan **KEHADIRAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN**. Penender yang berminat dikehendaki melaporkan diri di **PASAR BORONG GERIK (SEBELAH PASAR AWAM GERIK)** untuk sesi Taklimat sebelum ke tapak projek dan membawa Sijil-sijil ASAL seperti perkara 2 di atas. **WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
5. Dokumen tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri/bermeteri. Jenis kerja dan nombor tawaran hendaklah dinyatakan di muka sampul surat tersebut dengan terang dan jelas serta dialamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS DAERAH GERIK, 33300 GERIK PERAK** atau dimasukkan terus ke dalam peti tender berkenaan di **PEJABAT MAJLIS DAERAH GERIK (JABATAN KEJURUTERAAN)** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari pada 25/09/2019 (RABU)**. Adalah tidak menjadi tanggungjawab Jabatan ini jika dokumen tender yang dihantar lewat diterima walau dalam apa cara sekalipun.
6. Majlis ini tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah harganya atau mana-mana tawaran yang lain.
7. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada bayaran berkaitan ini walaupun kerja dibuat atau tiada barang yang dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH GERIK
JALAN HAJI MEOR YAHYA
33300 GERIK, PERAK DARUL RIDZUAN
No. Tel : 05 – 791 2305**